

DAP: Kerajaan beku kenaikan tol kerana PRK Kajang

Malaysian Insider

Feb 6, 2014

OLEH THE MALAYSIA INSIDER

Tindakan kerajaan membekukan kenaikan tol bagi 2014 semalam merupakan satu taktik oportunist dan sebagai usaha untuk memenangi hati pengundi bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang yang akan berlangsung pada 23 Mac ini walaupun terpaksa membayar RM400 juta kepada syarikat konsesi, kata Lim Guan Eng.

Setiausaha agung DAP itu berkata, Barisan Nasional (BN) hanya berubah nada, namun tidak pada kata-katanya dalam hal pembekuan kenaikan kadar tol selama setahun walaupun pernah berjanji untuk mengurangkan kadar tol di antara bandar dalam manifesto mereka semasa Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu.

"Pengumuman yang dibuat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yaasin bahawa Kabinet tidak akan mengenakan sebarang kenaikan tol pada 2014 adalah satu taktik oportunist yang jelas digunakan oleh BN untuk menyenangkan hati pengundi BN di Kajang pada 23 Mac 2014.

"Walaupun mereka berjanji dalam manifesto PRU13 untuk mengurangkan kadar tol antara bandar, kerajaan persekutuan BN mengumumkan akan terdapat banyak kenaikan kadar tol pada tahun ini.

"Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar malah memberitahu bahawa mereka yang tidak bersetuju dengan kenaikan kadar tol boleh menggunakan jalan alternatif yang tidak bertol, meskipun tidak ada sebarang jalan alternatif untuk sesetengah laluan," katanya dalam satu kenyataan pagi ini.

Lim yang juga ketua menteri Pulau Pinang itu berkata, tindakan kerajaan semalam hanyalah penyelesaian jangka pendek kerana kadar tol pasti akan naik juga pada 2015.

"Langkah taktikal demi pilihan raya kecil Kajang ini menunjukkan bahawa BN sudah terlupa bagaimana untuk mentadbir dan hanya melakukan pendekatan memerintah sehari demi sehari hanya berdasarkan ketergesaan politik dan bukan prinsip kepentingan umum," katanya. - 6 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-kerajaan-beku-kenaikan-tol-kerana-prk-kajang>